

27 APR 2002

COUNTRY VIEW-KONGSI/I

COUNTRY VIEW DAPATKAN KHIDMAT PERUNDINGAN PROFESIONAL MELALUI PERKONGFSIAN

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Syarikat pemaaju perumahan, Country View Bhd, yang sedang dalam proses untuk disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), hari ini memeterai perkongsian strategik dengan Institut Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi mendapatkan khidmat nasihat profesional dalam bidang-bidang seperti perancangan, reka bentuk dan lanskap.

"Usaha kami dalam mengadakan perkongsian ini adalah juga berikutan seruan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) supaya menyokong usaha kerajaan untuk menjadikan sebuah "Negara Taman" menjelang tahun 2005," kata pengarah eksekutif Country View, Datuk Mohamed Al Amin Abdul Majid.

Beliau berkata demikian pada upacara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat itu dengan FRIM, di sini.

Country View akan menaja peruntukan berjumlah RM200,000 kepada FRIM selama tiga tahun dalam tempoh perkongsian yang diberi tema "Rakan Kongsi Bagi Masa Depan Lebih Hijau".

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abdul Razak Mohd Ali berkata, kepakaran FRIM dalam penyelidikan dan khidmat nasihat akan saling dilengkapkan oleh input Country View dari segi bantuan kewangan dan pelaksanaan kegiatan-kegiatan promosi.

Antara lain, MoU tersebut akan memberi tumpuan kepada usaha menggalakkan penanaman pokok, khususnya di kalangan murid sekolah melalui projek-projek penghijauan, serta membantu mengenal pasti pokok dan tumbuhan yang terpilih untuk digunakan bagi mencipta lanskap dan rancangan kulturkebunan yang lain.

Setakat ini, sebanyak 11 buah sekolah tentang diambil sebagai anak angkat oleh perkongsian ini untuk mengambil bahagian dalam projek "penghijauan", enam daripadanya terletak di Taman Universiti, projek perdana syarikat itu, kata Al Amin.

Lima buah sekolah lagi terletak di Kuala Lumpur.

MoU yang ditandatangani itu akan merintis jalan bagi pihak-pihak lain untuk bekerjasama ke arah penghijauan ini dan menimbulkan kesedaran di kalangan orang ramai tentang pentingnya memelihara dan memperbaiki mutu alam sekitar, katanya.

"Saya harap syarikat-syarikat pemaaju lain juga akan mengadakan inisiatif yang serupa," tambah beliau.

SM FR KY JR